

# Pelajar Cemerlang Diraikan

Oleh: Norazian Mohamed Noor  
Pensyarah

Pada 28 Januari 2007 telah berlangsungnya Malam Bersama Rakan Pendamping Siswa & Penyampaian Anugerah Dekan dan Sijil Bestari PPKAS bertempat di Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis. Majlis makan malam ini diserikan dengan kehadiran dekan, timbalan dekan, pensyarah-pensyarah, jurutera-jurutera pengajar dan wargakerja sokongan. Majlis ini diadakan bagi meraikan kejayaan pelajar-pelajar sulung Rancangan Kejuruteraan Alam Sekitar dalam peperiksaan semester lepas. Anugerah Dekan diberikan kepada pelajar yang mencapai CGPA 3.50 ke atas manakala Sijil Bestari diberikan kepada pelajar yang mendapat CGPA 3.00 ke atas sebagai galakan untuk lebih berjaya.

Majlis bermula dengan bacaan doa, persembahan sketsa yang diberisi para pelajar dan persembahan multimedia aktiviti-aktiviti Persatuan Pelajar PPKAS. Selepas menjamu selera, acara kemuncak yang ditunggu-tunggu iaitu penyampaian Anugerah Dekan dan Sijil Bestari berlangsung. Seramai 27 daripada 30 pelajar Rancangan Kejuruteraan Alam Sekitar telah menerima penghargaan di atas usaha keras mereka. Sijil Bestari telah disampaikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Kamarudin Mohd. Nor manakala Anugerah Dekan telah disampaikan oleh Dr. Khairul Nizar Ismail. Diharap kecemerlangan seperti ini dapat membakar semangat para pelajar untuk mengulangi dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka di tahun-tahun akan datang. Berikut adalah senarai nama pelajar yang menerima Sijil Bestari dan Anugerah Dekan.

BIL	NAMA PELAJAR	PNGK
1	Tan Cheng Yau	3.75
2	Siti Nurfadilah Arshad	3.69
3	Lee Hong Chen	3.68
4	Suhaida Mohamed Arshad	3.65
5	Clara Wong Xiang Xiang	3.65
6	Nor Amirah Abu Seman@Hj Ahmad	3.64
7	Juliana Abdul Rahman	3.62
8	Liaw Lee Teng	3.59
9	D.Fatimah Zahara Natasha Aida Idris Ali	3.56
10	Danny Leonard Dugil	3.55
11	Nurwahida Othman	3.50
12	Zatul Habibati Ahmad Ziadi	3.49
13	Pang Chan Ping	3.48
14	Norsyazwani Che Mohamed	3.47
15	Kasthuri A/P Kumaran	3.47
16	Apipah Ariffin	3.44
17	Siti Zharifah Roba'ai	3.33
18	Nur Syahirah M.Zamani	3.32
19	Nur Aqilah Sapiee	3.30
20	Nur Hafizah Samad	3.30
21	Lim Kok Keat	3.27
22	Nurhusna Fuad	3.25
23	Syarifah Syazwani Syed Zulkiple	3.21
24	Noor Husaiha Hussain	3.18
25	Nur Fathiah Abdul Rahman	3.16
26	Mohd Nazri Shamsudin	3.15
27	Mohd Khairul Izaat Md. Nasir	3.12